

**Akaun Booster OCBC****Nama Produk: Akaun Booster OCBC****Apakah Akaun Booster OCBC?**

Akaun simpanan yang menawarkan kadar faedah tinggi dengan fleksibiliti sebuah akaun transaksi.

**Kelayakan**

<b>Umur</b>	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).
<b>Kewarganegaraan</b>	Terbuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).
<b>Dokumen yang diperlukan</b>	Kad pengenalan atau Pasport
<b>Simpanan Permulaan Minimum</b>	RM500
<b>Baki Minimum untuk mengekalkan akaun</b>	RM0

**Kadar Faedah**

<b>Pengiraan Faedah</b>	Kadar faedah akan terakru secara harian dan dikreditkan setiap bulan.	
<b>Kadar Faedah</b>	<b>Bagi Akaun Berbaki Kurang daripada RM30,000</b>	0.05% setahun
	<b>Bagi Akaun Berbaki RM30,000 dan ke Atas</b>	1.65% setahun
Kadar terkini boleh didapati di <a href="http://www.ocbc.com.my">www.ocbc.com.my</a> atau cawangan-cawangan OCBC Bank yang berhampiran. Keuntungan akan dibayar oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada kadar yang ditetapkan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau di media massa.		

**Perkhidmatan**

<b>Pengeluaran Antara Cawangan</b>	Sehingga RM300,000 bagi setiap akaun setiap hari.
<b>Arahan Tetap</b>	Daftarlah untuk arahan tetap bagi pembayaran bil-bil rutin anda.
<b>Perbankan Online OCBC</b>	<p>Lobi Perbankan Elektronik – eLobby</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan ATM yang menyediakan pengeluaran tunai, pindahan dana, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi – 24 jam sehari, 7 hari seminggu.</li> <li>• Mesin Simpanan Tunai membolehkan anda mendeposit atau membayar wang tunai dengan/tanpa kad Debit ke akaun anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga.</li> <li>• Mesin Kemasukan Cek memberikan anda cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC.</li> </ul> <p>Perbankan Internet OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor Kad Debit atau Kredit dan PIN di <a href="http://www.ocbc.com.my">www.ocbc.com.my</a>.</li> </ul> <p>Perbankan Telefon OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau berbual dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami dengan mendail 03-8317 5000.</li> </ul>
<b>Terma Lain</b>	<p>Anda hanya boleh membuka SATU Akaun Booster OCBC, sama ada atas nama sendiri atau nama bersama. Sekiranya dengan sebarang sebab anda mempunyai lebih daripada satu Akaun Booster OCBC, maka Akaun Booster OCBC lain boleh ditukarkan kepada Akaun Simpanan MoneyMax atau mana-mana akaun lain yang dianggap bersesuaian mengikut budi bicara mutlak OCBC Bank (Malaysia) Berhad.</p> <p>Anda tidak perlu mengekalkan baki minimum di dalam akaun tetapi jika baki akaun adalah sifar</p>

## Akaun Booster

	secara berterusan selama 90 hari, akaun akan ditutup. OCBC Bank (Malaysia) Berhad akan memberitahu anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penutupan akaun adalah atas budi bicara mutlak OCBC Bank (Malaysia) Berhad.				
<b>Ciri-ciri dan Manfaat</b>					
Kemudahan Sweep	Nikmati kemudahan <i>sweep</i> daripada Akaun Booster ke akaun semasa anda.				
Penyata Akaun	Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan. Bagi setiap permintaan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.				
Insurans Simpanan	Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.  Untuk maklumat lanjut, sila rujuk risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a> .				
Pengendalian Akaun Dorman	Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dianggap sebagai akaun dorman. <table border="1" data-bbox="473 887 1416 1123"> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td><td>Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td></tr> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td><td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".</td></tr> </table> Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad secara peribadi.	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".				
Polisi Wang yang tak Dituntut	Mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.				
Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun Bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan semasa permohonan.</li> <li>Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.</li> <li>Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan akaun atau penggantungan atau penamatkan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang berdaftar dengan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau lain-lain maklumat, akan diberi dalam bentuk bertulis (atau mana-mana cara lain yang dibenarkan OCBC Bank (Malaysia) Berhad) oleh semua pemegang akaun bersama, melainkan diarahkan secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama.</li> <li>Semua pemegang Akaun Bersama bertanggungjawab secara bersama dan berasingan ke atas semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut.</li> <li>Jika OCBC Bank (Malaysia) Berhad menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada individu yang diberi kuasa atau bukan daripada individu yang diberi kuasa, OCBC Bank (Malaysia) Berhad boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun Bersama.</li> <li>Sebaik menerima notis kematian bagi salah seorang atau lebih daripada seorang pemegang Akaun Bersama, OCBC Bank (Malaysia) Berhad layak untuk membayar baki simpanan atau baki kredit dengan sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, dengan syarat sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank (Malaysia) Berhad layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Bank</li> </ul>				

Akaun Booster

	<p>(Malaysia) Berhad dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>OCBC Bank (Malaysia) Berhad boleh membenarkan para pemegang Akaun yang masih hidup untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada penunaian Terma dan Syarat sebagaimana yang dikenakan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad.</li> </ul>
<b>Ringkasa Yuran dan Caj</b>	
<b>Penutupan Awal</b>	RM20
<b>Akaun Dorman</b> Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir	Akaun dengan baki sehingga RM10.00: Baki akan diserap dan akaun akan ditutup.  Akaun dengan baki melebihi RM10.00: RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut".
<b>Kad Debit</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Yuran Pendaftaran (Yuran sekali bayar)</li> <li>Yuran Tahunan</li> </ul> <b>Perkhidmatan Pengeluaran Tunai</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard</li> <li>Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS</li> <li>Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia)</li> <li>Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia</li> </ul> Pemindahan Segera MEPS menerusi ATM MEPS	RM8.00 RM8.00 setahun  RM10.00  Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM) RM1.00  Tiada Caj  Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah); Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas)
Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC	Tiada caj
Yuran Penggantian Kad	RM12.00
Yuran Dapatan Semula Resit Jualan	RM15.00 untuk salinan asli RM8.00 untuk salinan kedua
Yuran Tukaran Luar Negara	Kadar Tukaran sepetimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX
Yuran dan Caj-caj Lain	Sila rujuk <a href="http://www.ocbc.com.my/fees">www.ocbc.com.my/fees</a> untuk yuran dan caj-caj lain
<b>Maklumat Perhubungan</b>	
<b>OCBC Bank (Malaysia) Berhad</b>	Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di 03-8317 5000 atau layari laman web kami di <a href="http://www.ocbc.com.my">www.ocbc.com.my</a> atau kunjungi cawangan-cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.  Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.

**Akaun Booster**

	<p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut:</p> <p><b>Service Transformation Department</b> OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (dahulu dikenali sebagai Biro Pengantara Kewangan) boleh dihubungi di 03-2272 2811; emel <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a> atau Bank Negara Malaysia di 1300 88 5465; emel <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>.</p>
<b>Bank Negara Malaysia</b>	Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari • <a href="http://www.bankinginfo.com.my">www.bankinginfo.com.my</a> • <a href="http://www.insuranceinfo.com.my">www.insuranceinfo.com.my</a> Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK di 1300 88 5465.
<b>Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)</b>	Hubungi talian hotline di 1-800-88-1266. Boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang atau emel kepada <a href="mailto:info@pidm.gov.my">info@pidm.gov.my</a> .

Kenyataan: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Booster OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my). Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu.